

Kenyataan Akhbar

Untuk Siaran Segera

DRB-HICOM UNIVERSITY OF AUTOMOTIVE MALAYSIA MERAIKAN MAJLIS KONVOKESYEN KETIGA

Pekan, 21 Februari 2016 - DRB-HICOM University of Automotive Malaysia (DHU) hari ini telah melangsungkan upacara konvokesyen ketiganya di Dewan Canselor Sultan Haji Ahmad Shah. Sejumlah 230 graduan daripada kohort kelapan, kesembilan dan kesepuluh telah menerima Diploma dalam jurusan-jurusan Kejuruteraan & Teknologi dan Perniagaan & Pengurusan, dari Canselor baru DHU, KDYTM Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Ibni Sultan Ahmad Shah.

Dikenali dahulunya sebagai International College of Automotive (ICAM), DHU telah dinaik taraf ke status universiti oleh Kementerian Pendidikan Tinggi pada bulan Oktober 2015. Ditubuhkan berdasarkan prinsip "Oleh Industri, Untuk Industri", DHU merupakan satu-satunya universiti di rantau ASEAN yang menawarkan ijazah sarjana muda, sarjana, dan program doktor falsafah yang berkaitan dengan ekosistem automotif, serta pengajian perniagaan dan pengurusan seperti kursus-kursus kewangan dan perakaunan.

"Dengan berlangsungnya konvokesyen ketiga ini, DHU seterusnya memperkuatkan komitmennya untuk memenuhi keperluan dalam mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan dan berbudaya ilmu, serta melengkapkan industri automotif melalui pembangunan modal insan mampan, dan menyediakan peluang baharu di arena pengajian tinggi untuk membantu meningkatkan industri automotif negara," kata Brig Gen (K) Tan Sri Dato' Sri (Dr) Haji Mohd Khamil Jamil, Pengarah Urusan Kumpulan DRB-HICOM Berhad.

Selain penganugerahan diploma, setiap program juga menyaksikan pelajar terbaiknya menerima anugerah kecemerlangan khas untuk pencapaian cemerlang. Zetty Nur Aida bt Ahmad Zahir, 22, graduan '*Diploma in Automotive Retail Management (DRM)*', mencatat CGPA 3.99 dan telah dinobatkan pelajar terbaik, dan menerima Anugerah Canselor. Noor Atiqah bt Abdul Wahab, 22, graduan

'Diploma in Automotive Management Systems (DMS)' pula menerima Anugerah Pengerusi dengan CGPA 3.98.

Anak kedua daripada tiga beradik, Zetty Nur Aida yang berasal dari Taiping, Perak, mempunyai sikap daya saing yang tinggi. Bapanya seorang ahli perniagaan dan ibunya suri rumah, memberikan galakan untuknya mencuba bidang pembelajaran yang berbeza dari yang biasanya diceburi umum. Zetty memilih ICAM kerana ia menawarkan satu konsep pembelajaran baharu yang membolehkan graduan menceburi industri automotif di peringkat ijazah.

Sewaktu Zetty menjalani latihan amali selama tiga bulan di Euromobil Sdn Bhd, pengedar bagi Audi Malaysia, pihak pengurusan amat berpuashati dengan semangat kerja cemerlang yang dipamerkan dan menawarkan pekerjaan kepadanya sebaik tamat peperiksaan. Zetty kini bekerja sebagai seorang eksekutif di Euromobil di Glenmarie.

Zetty aktif menyertai aktiviti kelab penjelajah di DHU dan telah mengikuti beberapa ekspedisi yang dianjurkan. Beliau yakin bahawa aktiviti-aktiviti sedemikian dapat memupuk disiplin dan membina sikap jatidiri. Gemar belajar secara berkumpulan, Zetty merasakan idea dan pandangan berbeza yang diperbincangkan di kalangan pelajar dapat memperluaskan minda dan pemahaman tentang sesuatu perkara.

Beliau juga pernah dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan mengambil bahagian dalam kejohanan go-kart di ICAM dan ianya merupakan pengalaman yang paling menyeronokkan.

Apa yang dipelajarinya di DHU amat bermanfaat dan dapat diaplikasikan dalam kerjanya kini. Zetty menggalakkan lebih ramai lepasan sekolah menuntut di DHU dan berharap lebih ramai wanita menceburi sektor automotif.

Dua beradik, Noor Atiqah dan Noor Aisyah bt Abdul Wahab pula berkongsi minat yang mendalam terhadap enjin. Pasangan dinamik ini memasuki ICAM pada 2012, dan keghairahan mereka dalam pembelajaran automotif telah mencetus persaingan sihat yang mendorong mereka mencapai kecemerlangan.

Perbezaan nilai gred yang sungguh nipis, dengan hanya 0.01 mata, telah membawa kejayaan kepada Noor Atiqah untuk memenangi Anugerah Pengerusi DHU dengan

CGPA 3.98. Noor Aisyah pula diletakkan di tempat ketiga dalam senarai pencapaian teratas DHU dengan CGPA 3.97.

Noor Atiqah merupakan seorang yang cemerlang, telah memperolehi 9A 1B dalam peperiksaan SPM dan sebelumnya 8A dan 1B dalam peperiksaan PMR. Walaupun tewas kepada Zetty dengan hanya nilai gred 0.01 mata untuk menjadi pelajar terbaik, Noor Atiqah redho dan amat bersyukur.

Berasal dari Kluang, Johor, Noor Atiqah mendapat pendidikan awal di SK Melayu Kluang dan kemudian Sek Menengah Sains Sultan Iskandar di Mersing. Merupakan anak kedua dari enam beradik, bapanya merupakan seorang pekedai runcit manakala ibunya pula suri rumah sepenuh masa. Ibubapanya sentiasa memberi dorongan terhadap minatnya dalam bidang automotif dan tidak pernah membezakan di antaranya dan adik-beradik lelakinya.

Selepas SPM, beliau momohon dan memenangi biasiswa tawaran HICOM-Honda untuk melanjutkan pelajaran di ICAM. Noor Atiqah kini bertugas sebagai juruteknik di HICOM-Honda Manufacturing Malaysia Sdn Bhd di Sungai Petani, Kedah, dan merupakan sebahagian daripada pasukan di bahagian pembangunan enjin untuk motosikal Honda.

Noor Atiqah menepis tanggapan bahawa pengajian automotif hanyalah untuk kaum lelaki dan menyangkal persepsi umum bahawa kerjaya automotif hanya melibatkan kerja berminyak di kilang pemasangan atau tempat kerja.

Katanya program di DHU sangat sesuai untuknya kerana konsep pembelajaran “hands-on” yang menggabungkan teori dan amali. Ini memberikan para pelajar permulaan yang baik dan kelebihan dalam kerjaya mereka kerana mereka akan mempunyai pengetahuan teknikal yang dikehendaki bersama pengalaman ‘hands-on’ dalam kerja mereka.

Noor Atiqah juga impikan segulung ijazah dari DHU dan menanam hasrat untuk menyambung belajar selepas memperolehi pengalaman bekerja. Dia merupakan wanita muda yang cekal dan berprinsip, yang ingin membantu ibu bapanya dan lima adik-beradiknya yang masih bersekolah.

Kakaknya Noor Aisyah pula memperolehi ijazah dalam Diploma in Vehicle Assembly dan kini bertugas sebagai Penyelia di bahagian ‘Quality Assurance’ di ISUZU-

HICOM (M) Sdn Bhd yang terletak di Kompleks Automotif DRB-HICOM di Pekan, Pahang.

Kedua-dua beradik ini sangat rapat dan bukan sahaja mempunyai minat yang sama dalam bidang automotif, tetapi juga merupakan ahli pasukan Silat Seni Gayung DHU. Kedua-duanya ingin melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi dalam bidang automotif dan bersedia untuk menjadi antara daya penggerak industri automotif Malaysia.

-Tamat-

About DRB-HICOM University of Automotive Malaysia (DHU)

Poised to be the leader in Automotive Education, DHU provides the best education experience for those who want to excel in Automotive Industry. DHUs goal is to complement the automotive industry through sustainable development of human capital.

DHU is located within the DRB-HICOM Automotive Complex in Pekan. Established in 2nd April 2010, DHU is owned by HICOM University Sdn Bhd (HUCSB), a wholly owned subsidiary of DRB-HICOM Berhad. In addition to producing a cadre of skilled professionals and leaders to join the workforce of the automotive sector, DHU also serves as an institution that enables the Group's automotive human resources to continuously upgrade their skills and knowledge.

For more information, please contact:

Prof Garry Clayton
Chief Executive Officer,
International College of Automotive
Tel: 09-4242428
Email: garry@icam.edu.my

Shaik Abbas Ibrahim
Head, Group Communications Division,
DRB-HICOM Berhad
Tel: 03- 2052 8007
Email: shaik.abbas@drb-hicom.com